

Headline	Resolusi mansuh ekuiti Melayu tidak 'bermoral'	Language	Malay
Date	17 Aug 2010	Page No	16
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	428 cm ²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	12,122
Frequency	Daily	PRValue	36,365
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		



Resolusi mansuh ekuiti Melayu tidak 'bermoral'

Pemimpin Bumiputera tak boleh diplomasi isu keistimewaan

KEISTIMEWAAN dan hak Melayu dipersoalkan lagi! Resolusi Kongres Ekonomi Cina yang berlangsung di Kuala Lumpur mencadangkan supaya 30 peratus ekuiti yang diberikan kepada Bumiputera dikurangkan secara berperingkat.

Walaupun dalam ucapan perasmianya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dilaporkan sebagai membuat rayuan kepada masyarakat Cina untuk berasa yakin bahawa pemerintahan beliau yang akan menjaga kepentingan semua kaum, termasuk kaum Cina, ucapan itu tidak singgah pada minda peserta kongres berkenaan.

Ia seolah-olah masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri. Begitu juga keadaan yang menimpa ucapan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek yang mengajak kaum Cina untuk berkongsi kek ekonomi secara adil. Beliau menyatakan bahawa setiap pihak harus mendapat manfaat sewajarnya daripada pembangunan dan kekukuhan ekonomi negara ini.

Sebelum saya panjangkan pandangan dalam isu ini, perlu disebut bahawa istilah Bumiputera tidak dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Ekuiti 'Bumiputera' dalam konteks resolusi berkaitan ekuiti ini merujuk kepada 'ekuiti Melayu'.

Pada saya, persoalan mengenai pengurangan ekuiti yang disediakan kepada kaum Melayu sebanyak 30 peratus ini bukanlah perkara baru yang menjadi tuntutan komuniti Cina. Namun pada saya, ia tidak perlu dan tidak sepatutnya diketengahkan dalam agenda mengukuhkan kedudukan ekonomi kaum Cina di negara ini.

Dua perkara ingin saya ketengahkan. Pertama, apakah kesan ekuiti Bumiputera ke atas kedudukan ekonomi komuniti Cina di negara ini selama ini? Dalam kata lain, adakah masyarakat Cina sudah diketepikan kedudukan mereka dalam menerajui ekonomi negara dengan wujudnya polisi berkaitan ekuiti atau, adakah Melayu betul-betul mendapat manfaat daripada peruntukan ekuiti ini dan seterusnya Melayu menjadi peneraju ekonomi negara ini. Kedua, adakah salah, dari segi perundangan untuk kaum Bumiputera diberikan ekuiti berkenaan.

Headline	Resolusi mansuh ekuiti Melayu tidak 'bermoral'	Language	Malay
Date	17 Aug 2010	Page No	16
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	428 cm²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	12,122
Frequency	Daily	PRValue	36,365
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

Pada saya, jawapan kepada kedua-dua soalan di atas sudah pasti begitu jelas. Hakikatnya sudah nyata. Walaupun dengan wujudnya 30 peratus ekuiti ini ekonomi masyarakat Cina masih lagi makmur dan ekonomi masyarakat Melayu masih lagi tidak setanding dengan kedudukan ekonomi komuniti Cina, apatah lagi untuk bersaing.

Kesan negatif daripada pemberian ekuiti kepada Bumiputera itu tidak menyerlah ke atas kekukuhan ekonomi komuniti Cina ini. Sejak dulu hingga kini, kehebatan dan ketinggian masyarakat Cina dalam bidang ekonomi tidak dapat dipersoalkan, walaupun diselubungi ekuiti Bumiputera berkenaan. Jika kesannya amat negatif kepada masyarakat Cina, negara tidak akan dapat menyaksikan begitu makmur sekali ekonomi masyarakat Cina di negara ini.

Adakah resolusi untuk mengurangkan peratusan ekuiti ini satu keadilan kepada Bumiputera? Atau ini menunjukkan komuniti Cina tidak mahu berkongsi kek ekonomi secara bijaksana dengan Bumiputera seperti yang disebut Presiden MCA?

Dari sudut undang-undang, masyarakat Melayu diberikan sedikit kelebihan menerusi Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menjaga kedudukan Melayu untuk diberikan suatu kuota, antara lain bagi tujuan perniagaan.

Walaupun sekiranya dipandang sekali imbas Perkara 153 adalah satu bentuk diskriminasi, ia diskriminasi yang dibenarkan (positive discrimination) atau dalam istilah lain yang lebih popular ketika ini, *affirmative action*.

Bagi saya, Perkara 153 ini bukan 'tongkat' kepada Melayu, walaupun ramai yang menganggap Perkara 153 hanya bersifat 'membantu' Melayu yang mungkin akan rebah sekiranya tidak

ada Perkara 153. Pada saya, Perkara 153 ini menunjukkan pengiktirafan undang-undang tertinggi negara kepada orang Melayu dan bukannya tongkat.

Perkara 153 ini juga pada saya adalah asas untuk sebarang pendekatan yang diambil oleh kerajaan untuk menjaga kelangsungan keadilan ekonomi Melayu. Lebih-lebih lagi apabila sebarang dasar yang disandarkan kepada Perkara 153 ini, sekiranya perlu diubah, harus dirujuk kepada Majlis Raja-Raja, seperti yang termaktub di bawah Perkara 38(5) Perlembagaan Persekutuan. Keadaan ini menambahkan lagi kepentingan kedudukan keistimewaan Melayu di dalam Perlembagaan.

Pada saya pertanyaan atau persoalan berkaitan hak Melayu ini amat tidak 'bermoral' dalam amalan sistem Perlembagaan. Namun, sekiranya dilihat dari sudut peruntukan undang-undang jenayah, perbuatan seperti ini adalah satu hasutan yang membolehkan pendakwaan dilakukan.

Walaupun pada pendapat saya, masyarakat Melayu, terutama pemimpin Melayu harus sedar bahawa tuntutan seperti ini adalah bertentangan dengan prinsip dan semangat Perlembagaan berkaitan kedudukan Melayu. Oleh itu, pemimpin Melayu tidak perlu menjadi terlalu berdiplomasi atau apologetik dalam menangani isu berkaitan kedudukan Melayu.

Semangat peruntukan Perlembagaan ini ialah untuk mengiktiraf kedudukan Melayu di negara ini. Ia juga amat jelas di dalam sejarah Tanah Melayu. Tugas dan tanggungjawab ini harus dipikul oleh kepemimpinan supaya pemimpin Melayu tidak lagi dituduh menjadi penyebab kepada kemunduran atau 'kelayuan' Melayu di tanah air sendiri.

Perkara 153 juga pada saya, adalah sebagai simbol keadilan kepada semua bangsa di negara ini. Apa yang penting di negara ini ialah keadilan, bukannya

kesamarataan. Ini harus dihayati sepenuhnya oleh kepemimpinan negara.

Penyediaan sejumlah tertentu ekuiti kepada Melayu bukanlah bermakna menolak hak kaum lain dan ini jelas terbukti dengan kejayaan dan kemakmuran ekonomi masyarakat Cina di negara ini. Selain itu, keistimewaan Melayu mendapat pengiktirafan Perlembagaan Persekutuan, bukan semata-mata dasar pemerintahan negara.

Penulis ialah Penolong Profesor, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

“ Pada saya pertanyaan atau persoalan berkaitan hak Melayu ini amat tidak 'bermoral' dalam amalan sistem Perlembagaan. Namun, sekiranya dilihat dari sudut peruntukan undang-undang jenayah, perbuatan seperti ini adalah satu hasutan yang membolehkan pendakwaan dilakukan”

